


بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

HEBAHAN BERKAITAN GERHANA BULAN PENUMBRA DAN KETIDAKHARUSAN PERLAKSANAAN SOLAT SUNAT GERHANA.

Adalah dimaklumkan bahawa gerhana bulan penumbra akan berlaku pada **30 Nov 2020 M bersamaan 14 Rabiul Akhir 1442 H, pada hari Isnin jam 3.34 petang dan berakhir pada jam 7.53 malam** (Rujukan : Almanak Falak Syarie Malaysia). Gerhana ini berlaku apabila bulan hanya memasuki bayang penumbra tanpa memasuki bayang umbra (Rujuk rajah di bawah). **Kemuncak gerhana akan berlaku pada jam 5.43 petang pada magnitud penumbra 0.8.**



Umumnya litupan kawasan gerhana merangkumi Asia Tenggara, China dan Amerika. Dalam konteks kita di Malaysia khususnya di Perak, gerhana bermula ketika bulan masih berada di bawah ufuk. Oleh itu, kita hanya akan dapat melihat bulan selepas ia terbit kira-kira jam 7.08 malam (merujuk waktu terbit bulan di Ipoh) selepas matahari terbenam. Namun ketika bulan terbit, magnitud gerhana hanya berbaki 0.4 menyebabkan kesan gerhana lebih sukar dilihat walaupun dengan menggunakan peralatan optikal.

Oleh kerana kesan dari gerhana bulan penumbra ini tidak jelas, maka **perlaksanaan solat sunat gerhana juga tidak disunatkan.**

Jabatan Mufti Negeri Perak

27 November 2020 M / 11 Rabiul Akhir 1442 H